

ayam atau ternak yang lain, orang-orang Kristian meminta tolong sembelihkan kepada orang Islam!

*“Dan perempuan-perempuan merdeka daripada Mukminat dan perempuan-perempuan merdeka dari yang diberi Kitab sebelum kamu, apabila telah kamu berikan kepada mereka mahar mereka.”*

Sambungan ini bukan lagi soal makanan, melainkan soal perkahwinan. Di sini diterangkan bahawa kamu orang Mukmin halal kahwin dengan perempuan yang Mukminat dan halal pula kahwin dengan perempuan Ahli Kitab. Asal telah selesai dibayar maharnya. Dengan demikian teranglah bahawa seorang Mukmin, selain boleh mengahwini perempuan sesama Islam, kalau ada jodoh dan nasib boleh pula mengahwini perempuan Ahli Kitab; Yahudi dan Nasrani. Ertinya dengan tidak usah dia masuk Islam terlebih dahulu; sebab dalam hal agama tidak ada paksaan, sebagaimana yang telah dijelaskan dalam surah *Al-Baqarah* ayat 256 dahulu.

Dapatlah kita memahamkan sedalam-dalamnya betapa besar keluasan faham atau jiwa *tasaamuh*, atau toleransi yang terdapat dalam kedua kebolehan ini, iaitu boleh makan sembelihan mereka dan boleh mengahwini perempuan mereka. Ini adalah kebolehan yang diberikan kepada orang yang telah diseru pada permulaan pembukaan surah, di ayat 1 dan 2, iaitu, *“Wahai orang-orang yang beriman!”* Orang yang beriman nescaya telah ada sinar tauhid dalam dirinya; sekiranya dia ada seorang yang baik kalau bertetangga walaupun tetangganya lain agama, dan tidak ditakuti bahawa dia akan goyah dari agamanya kerana berlain agama dengan isterinya. Dia akan tetap menjadi suami yang memimpin dalam rumah tangganya. Tentu dia akan memberikan contoh yang baik dalam kesolehan, ketaatan kepada Allah dan ibadah dan silaturrahim. Sebagai suami tentu dia akan menjadi teladan yang baik bagi isterinya. Dan tentu dia pun akan berbaik-baik dengan seluruh ipar-besannya yang berlain agama, ziarah-menziarahi, hantar-menghantarkan makanan. Tetapi dapat pulalah kita mengambil faham dari ayat ini bahawa terhadap kepada lelaki Islam yang lemah iman, keizinan ini tidak diberikan. Kerana bagi yang lemah iman itu, “tukang pancing akan dilarikan ikan”. Kerana banyak kita lihat ketika negeri kita masih dijajah oleh Belanda yang berteguh dalam agama mereka, ada orang Islam tertarik nikah dengan perempuan Kristian, berakibat kucar-kacir agamanya, kacau balau kebangsaannya dan sengsara di akhir hidupnya. Hal ini sampai menjadi bahan roman yang indah dari salah seorang pahlawan kemerdekaan dan pujangga kita Abdul Muis, dengan bukunya *Salah Asuhan*.

